

03 SEP 1998

Anwar-Reaksi (Kelantan)

UMNO KELANTAN BERI SOKONGAN PADU PADA PM

KOTA BAHARU, 3 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kelantan menyatakan sokongan padu kepada keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Timbalan pengerusinya, Datuk Annuar Musa berkata sokongan padu itu dibuat sebulat suara oleh kesemua 14 ketua bahagian Umno di negeri ini yang yakin dengan kebijaksanaan yang dimiliki oleh Perdana Menteri.

"Sebelum beliau (Dr Mahathir) mengambil keputusan, beliau telah melihat kepada semua aspek dan tentunya kepentingan negara dan kepentingan parti menjadi asas pertimbangan yang utama," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Badan Perhubungan Umno Negeri di sini, hari ini.

Annuar berkata, ketua-ketua bahagian berdiri teguh bersama Perdana Menteri, yang juga pengerusi badan perhubungan itu dan menyokong sebarang keputusan yang mungkin dibuat oleh Majlis Tertinggi Umno pada malam ini.

Pemimpin tiga peringkat iaitu bahagian, pergerakan pemuda dan wanita negeri akan berjumpa dengan Perdana Menteri di Kuala Lumpur pada Sabtu ini, untuk menyatakan sendiri pendirian Badan Perhubungan Umno Kelantan, katanya.

Beliau juga percaya alasan dan perkara-perkara yang menyebabkan tindakan yang dibuat oleh Perdana Menteri itu akan sampai ke pengetahuan umum dalam sedikit masa lagi.

Sehubungan itu, beliau berkata Umno Kelantan akan terus mempertahankan perpaduan dan keutuhan parti selaras dengan prinsip perjuangan Umno.

Ketika ditanya sama ada perkembangan terbaru dalam parti itu akan menjejaskan usaha Umno merampas kembali pemerintahan negeri Kelantan daripada Pas, Annuar berkata perjuangan parti akan diteruskan dengan lebih gigih lagi.

"Bagi Umno Kelantan tidak ada istilah rehat, kita sentiasa kena kerja kuat, tambahan lagi dengan adanya cabaran-cabaran baru dan ini akan melipat-gandakan lagi usaha kita," katanya.

Katanya, anggota Umno sehingga ke peringkat akar umbi akan diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya mengenai perkembangan dalam parti itu agar mereka bersatu untuk mempertahankan parti.

-- BERNAMA

MNR BD KHY